




UTAMA

Minggu SUAIKENAL SIDANG AKADEMIK 2011/2012 (Pengambilan Diploma)



5 Jun 2011 - Kampus Alam UniMAP menerima kehadiran lebih kurang 312 orang Pelajar Baru yang mendaftar sebagai Pelajar UniMAP Program Diploma di dalam pelbagai bidang kejuruteraan yang ditawarkan di UniMAP. Manakala sesi pengambilan kedua adalah pada 20 Jun 2011 yang diadakan di tempat yang sama. Oleh yang demikian pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni telah mengambil inisiatif untuk mengadakan Minggu Suaikenal Sidang Akademik (Pengambilan Diploma) Sidang Akademik 2011/2012 yang telah berlangsung selama 6 hari dengan jayanya bermula pada 5 Jun 2011 hingga 10 Jun 2011 dan pengambilan kedua adalah selama 3 hari iaitu 20 Jun hingga 22 Jun 2011.

Oleh:
M. Hairi Osman
& Rosernifariza
Ramlan

Minggu Suaikenal Sidang Akademik (MSK) 2011/2012 turut dihadiri oleh Naib Canselor UniMAP Brig. Jeneral Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin diiringi oleh Pegawai-Pegawai Utama Universiti.

Program yang berlangsung itu bertujuan memberi pendedahan awal kepada semua mahasiswa baru tentang latar belakang universiti, sistem pengurusan, pengajian dan kehidupan di kampus Universiti Malaysia Perlis. Perjalanan program MSK ini telah terlaksana dengan jayanya hasil sokongan dan kerjasama daripada 40 orang Pembantu Pelajar Minggu Suaikenal (PPMS), kakitangan HEPA, dan semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung.

Program ini telah dirancang dengan pengisian pelbagai slot antaranya Taklimat Kepada Waris, Taklimat Bimbingan dan Informasi HEPA, Taklimat Kolej Kediaman, Taklimat AUKU, Taklimat Ko-K dan Badan Beruniform, Majlis Sambutan Siswa-Siswi, Taklimat Bersama Jabatan UniMAP, Ceramah Kenegaraan, Taklimat Bersama Pusat Pengajian dan Slot bersama Tokoh Industri yang berpengalaman di dalam bidang Industri. Selain itu, antara tetamu luar yang hadir pada Program MSK ialah Mufti Negeri Perlis iaitu Sahibus Samahah Dr. Juanda Jaya bagi slot Bersama Mufti Kerajaan Negeri Perlis.

Majlis Ramah Mesra pelajar baru bersama Dato' Naib Canselor dan pegawai-pegawai tertinggi universiti memberi ruang kepada pelajar-pelajar baru menunjukkan bakat terpendam. Di antara persembahan yang dipersembahkan pada malam tersebut ialah persembahan Tarian Andung-andung, Live Band dan Dikir Barat.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini terutama kepada pihak pengurusan kolej kediaman, pembantu-pembantu pelajar, kakitangan HEPA, dan semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung. Secara keseluruhannya, program ini telah terlaksana dengan lancar dan dianggap berjaya memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar baru akan keunikan cara atau corak kehidupan sebagai pelajar UniMAP dengan kampusnya yang teragih.

